

15 MAR 2000

Mahathir-Muhyiddin

ISU YANG DIBANGKITKAN MUHYIDDIN SELESAI, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, isu yang dibangkitkan Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa pihak tertentu menyekat pencalonannya bagi jawatan naib presiden telah diselesaikan.

Dr Mahathir mengesahkan yang Muhyiddin memberikan beliau satu laporan akan aduan beliau hari ini.

"Saya tidak boleh menjelaskan (kandungan laporan). Anda boleh tanya Muhyiddin," kata beliau kepada pemberita selepas menyampaikan dua ekor lembu korban di kediamannya, di Titi Gajah, dekat sini.

Perdana Menteri berkata, beliau telah membaca laporan itu dan menjelaskan: "Tak ada apa-apa. Saya dah cakap dengan Muhyiddin. Perkara dah selesai,"

Muhyiddin sebelum ini dilaporkan akan mengemukakan bukti untuk menyokong dakwaannya.

Muhyiddin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mendakwa yang terdapat usaha-usaha pihak tertentu untuk menyekat beliau dan yang lain daripada dicalonkan bagi jawatan naib presiden.

Sebelum itu, Dr Mahathir juga menyampaikan lembu-lembu korban di Taman Mahsuri, Bandar Darulaman dan Kampung Lembah Palas, Changlun.

Perdana Menteri juga menziarahi pengetua Sekolah Menengah Agama Nadhah Hasanah Melele di Kodiang, dekat Changlun, Datuk Tajudin Abdul Rahman, 75, yang kini uzur.

-- BERNAMA

JM PR